

ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

BAHAGIAN VII - PENJAGAAN
Penjagaan ke atas Orang Dan Harta

Seksyen 100. Perintah khas mengenai harta kecil.

(1) Jika didapati bahawa, dengan mengambil kira taraf kehidupan seseorang kanak-kanak dan kepada nilai hartanya dan kepada segala hal keadaan kes yang berkenaan adalah bermanfaat supaya harta modal kanak-kanak itu digunakan bagi menanggung nafkah, pendidikan, atau kemajuannya mengikut apa-apa cara yang boleh mengelakkan belanja bagi membuat permohonan kepada Mahkamah, maka Mahkamah boleh, daripada melantik seorang penjaga bagi harta kanak-kanak itu, memerintahkan supaya segala harta kanak-kanak itu, daripada apa jua jenis pun, diletakkan dalam tangan seseorang yang akan dilantik oleh Mahkamah, dengan kuasa penuh untuk membuat apa-apa urusan dan untuk menggunakan harta itu bagi maksud yang disebut terdahulu menurut budi bicaranya sendiri bebas daripada apa-apa kawalan; dan dalam hal yang demikian resit daripada orang yang dilantik itu adalah menjadi akuan penyelesaian yang sewajarnya kepada mana-mana orang yang membuat apa-apa pembayaran atau pemindahan milik apa-apa harta kepadanya bagi pihak kanak-kanak itu.

(2) Mana-mana orang yang dilantik di bawah subseksyen (1) boleh diperintahkan oleh Mahkamah supaya mengemukakan suatu akaun mengenai urusan-urusan yang dibuat olehnya mengenai harta kanak-kanak itu.

(3) Mahkamah boleh, kerana apa-apa sebab yang memadai, membatalkan apa-apa perintah, atau membatalkan apa-apa pelantikan, yang dibuat di bawah subseksyen (1), dan boleh melantik seorang lain dengan memberikan kepadanya kuasa yang sama atau apa-apa kuasa yang lebih besar atau lebih kecil yang difikirkannya patut, atau boleh melantik seorang penjaga bagi harta kanak-kanak itu.
